

HUBUNGI SKUAD KUALA LANGAT / SEPANG:
NURUL FIRDAUS KHAI - 019-6680920/ 019-3371066

Sangka orang bakar sampah

Kilang pelupusan tayar lama terbakar, punca dan kerugian masih dalam siasatan

TELOK PANGLIMA GARANG - Pekerja sebuah kilang pelupusan tayar lama sempat menyelamatkan diri ketika premis berkenaan musnah dalam kebakaran di Jalan Waja, Kawasan Industri, Telok Panglima Garang, semalam.

Kejadian yang berlaku jam 12.30 tengah hari itu menyebabkan kawasan berhampiran dikeklingi kepulan asap tebal.

Pegawai Bomba dan Penyelamat Balai Banting, Mohd Jaslidzad Jalil berkata, pihaknya menerima panggilan kira-kira jam 12.42 tengah hari dan tiba di lokasi jam 1.06 tengah hari.

Menurutnya, kilang pe-

lupusan tayar lama itu terbakar di bangunan berkeluasan 80x90 kaki, namun tiada mangsa terperangkap dalam kawasan itu.

"Api dapat dikawal kira-

jam 2.10 petang menggunakan empat pertancut nozel dari arah hadapan dan belakang bangunan tersebut hingga kebakaran dipadamkan sepenuhnya.

"Kami terpaksa kerahkan enam anggota bomba sukarela dan 47 anggota dari Balai Bomba Banting, KLIA, Andals manakala dua jen-

ta tangki air dari Balai Bomba Serdang dan Pelabuhan Klang turut digunakan," katanya.

Jaslidzad berkata, punca ke-

bakaran dan anggaran kerugiannya masih lagi dalam siasatan berikutnya pihak bomba masih menjalankan kerja kawalan dan pemeriksaan lewat petang semalam.

Pekerja kilang berhampiran yang hanya mahu dikenali sebagai Khairul Nizam, 31,



Anggota bomba bertungku-lumus memadamkan kebakaran sebuah premis pelupusan tayar lama di Telok Panglima Garang, semalam.

PPK tingkat tanaman sawit



Antara Ahli Jemaah Pengarah PPK Kuala Langat hadir meninjau tapak semaihan kelapa sawit di Kuala Langat.

BANTING - Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat berhasrat menjadikan projek semaihan kelapa sawit di daerah itu sebagai alternatif menambah pendapatan.

Pengerusinya, Abdul Razak Khasbulah berkata, tinjauan bersama Ahli Jemaah Pengarah PPK Kuala Langat melawat Tapak Semaian Kelapa Sawit di Kelanang, Dun Morib itu adalah sebagai langkah melihat perkembangan projek berkenaan.

Menurutnya, pada masa ini terdapat 13,000 pokok iaitu 7,000

pokok berusia lapan bulan dan 5,000 pokok berusia dua bulan.

"Insy-ALLAH projek pembesaran akan dilaksanakan memandangkan permohonan, permintaan serta tempahan yang menggalakkan diterima.

"PPK Kuala Langat juga bersedia memberikan khidmat dan mengeluarkan produk yang terbaik kepada pelanggan," kata-

nya kepada *Sinar Harian* di Tapak Semaian Kelapa Sawit di Kelanang.

Abdul Razak Khasbulah berkata, beliau mengakui pelbagai

pihak turut mendapatkan benih kelapa sawit milik PPK apabila melihat hasil yang membanggakan.

Selain itu katanya, keperluan

kelapa sawit pada masa ini memang diperlukan sekali gus membantu menggalakkan lebih ramai pihak berurusan dengan PPK.

"Apa yang penting, usaha mempelbagaikan pertanian di daerah ini perlu diteruskan bagi menjamin pengeluaran hasil bermutu tinggi."

"Kita nak lihat produk pertanian kita dapat bersaing ke peringkat tinggi," katanya.

Semak status tanah sebelum beli

SUNGAI SEDU - Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat menyarankan pembeli rumah tanah lot sekitar Kuala Langat supaya menyemak status, syarat nyata tanah dan sekatkan ia untuk tanah bagi mengelak penipuan.

Dalam satu hebahan menerusi *Facebook*, pihaknya memaklumkan pembeli perlu bertanya sama ada perjual tanah sudah membuat permohonan menukar syarat pertanian kepada syarat bangunan kediaman atau tidak.

Pembeli juga perlu menentukan sama ada perjual ada membuat permohonan pecah sempadan selain memastikan mendapat kelulusan kebenaran merancang daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) seperti diiklankan pemaju tanah.

Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Langat juga menggesa penduduk menyemak di Unit Pembangunan Tanah Kuala Langat sekiranya terdapat keraguan.

Sebelum ini, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) berusaha membantu pembeli tanah lot berada di landasan yang betul bagi mengelakkan berlaku masalah.

Terdahulu, Pengurus Besar PKNS, Azlan Alifah berkata, beliau terpanggil dengan isu pembelian tanah lot yang akhirnya memberi kesan negatif kepada pembeli.

Menurutnya, keadaan itu

boleh menyebabkan pelbagai kemudahan tidak dapat diselenggarakan dengan baik.

"Pembeli akhirnya terpaksa bekerjasama dengan pembeli lain untuk menyelesaikan pelbagai perkara, termasuk sistem saliran, laluan jalan, kemudahan prasarana dan sistem elektrik yang bermasalah.

"Justeru itu, PKNS mengambil keputusan membina rumah atas tanah berstatus rizab Melayu bagi membantu orang Melayu mendapat kemudahan yang terbaik," katanya.



Hebahan status tanah lot yang diviralkan Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Langat